

## 5.3 juta permohonan pengeluaran khas KWSP diterima

Muhammad Saufi Hassan  
[saufi@mediaprima.com.my](mailto:saufi@mediaprima.com.my)



Kuala Lumpur: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengumumkan sebanyak 5.3 juta permohonan sudah diterima di bawah kemudahan Pengeluaran Khas selepas ia dibuka kepada ahli pada 1 April 2022.

KWSP dalam kenyataan berkata, ia bersamaan dengan pengeluaran RM40.1 bilion yang mana bayaran akan dibuat secara berperingkat dan pembayaran pertama akan bermula pada 20 April ini.

Menurutnya, jumlah permohonan yang diterima merangkumi 44 peratus daripada 11.95 juta ahli yang layak untuk membuat pengeluaran di bawah kemudahan ini.

"Mengikut pengelasan gaji, ini mewakili 55 peratus ahli daripada kategori B40 yang layak iaitu individu berpendapatan kurang daripada RM1,700, 59 peratus ahli M40 (RM1,701 hingga RM4,900) dan 39 peratus ahli T20 (berpendapatan melebihi RM4,900).

"Sebanyak 29 peratus ahli tidak formal dan tidak aktif juga telah memohon," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, sebanyak 63 peratus permohonan adalah kaum Melayu diikuti kaum Cina (12 peratus) dan India (tujuh peratus).

"Baki 17 peratus terdiri daripada kaum Bumiputra Sabah dan Sarawak, dan bukan warganegara," katanya.

KWSP berkata, berdasarkan maklum balas daripada ahli yang memohon kemudahan ini, tiga sebab utama permohonan dibuat iaitu mengalami pengurangan pendapatan (24 peratus), membantu pasangan atau ahli keluarga yang terjejas kewangan (23 peratus, dan menambah sumber kewangan (14 peratus).

"Manakala tujuan pengeluaran bagi menampung perbelanjaan keperluan asas harian dan bulanan (40 peratus), membayar tunggakan hutang (26 peratus), menambah simpanan dan dana kecemasan (8 peratus) dan membantu ahli keluarga yang terjejas kewangan (tujuh peratus).

"Sebanyak 27 peratus lagi adalah untuk tujuan lain seperti membayar pendidikan anak-anak, perbelanjaan lain dan pelaburan," katanya.

Pada masa sama, KWSP menegaskan, bahawa setiap aspek keselamatan sudah diambil bagi mengelakkan pihak ketiga yang tidak bertanggungjawab atau 'scammers' daripada membuat permohonan palsu dan menjelaskan simpanan ahli.

Justeru, setiap ahli dinasihatkan supaya tidak berkongsi gambar atau dokumen berkaitan Pengeluaran Khas mereka di platform media sosial dan berhati-hati apabila mengeluarkan wang bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa penipuan.

"KWSP mengingatkan ahli untuk mempertimbangkan ketersediaan pendapatan jangka panjang mereka dan hanya mengeluarkan simpanan mereka sekiranya benar-benar perlu serta membelanjakan wang mereka dengan bijak untuk tujuan yang sesuai," katanya.

Tarikh tutup untuk kemudahan Pengeluaran Khas adalah pada 30 April 2022 dan ahli boleh memohon melalui portal pengeluarankhas.kwsp.gov.my.

**Disiarkan pada: April 16, 2022 @ 4:20pm**